

SOALAN LAZIM (FAQ) BANTUAN PRIHATIN RAKYAT 2021 (BPR 2021)

A. SYARAT KELAYAKAN BPR 2021

1. **S: Apakah kategori kelayakan bagi Permohonan BPR 2021?**
- J: Kategori kelayakan bagi permohonan BPR 2021 adalah seperti berikut:
- i. Isi Rumah**
 - a) Kahwin; atau
 - b) Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak; atau
 - c) Bujang [termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU)] berumur 60 tahun dan ke atas
 - ii. Bujang**
 - a) Bujang atau Ibu Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang tidak mempunyai anak; dan
 - b) Had umur:
 - 21 tahun hingga 59 tahun; atau
 - 18 tahun hingga 59 tahun bagi kategori OKU
2. **S: Apakah kriteria kelayakan bagi pemohon BPR 2021?**
- J: Pemohon BPR 2021 perlulah memenuhi kelayakan mengikut kategori seperti berikut:
- i. Isi Rumah**
 - a) Pemohon
 - Warganegara Malaysia (MyKad) yang menetap di Malaysia sahaja
 - Lelaki atau perempuan yang menjadi ketua keluarga yang tinggal serumah dan bekerja di Malaysia dengan jumlah pendapatan kasar bulanan isi rumah RM5,000 dan ke bawah
 - b) Pasangan
 - Warganegara Malaysia (MyKad) atau memiliki pengenalan Malaysia (MyPR / MyKAS); atau
 - Bukan Warganegara Malaysia (selain pengenalan MyPR / MyKAS)
 - c) Anak (jika mempunyai anak)
 - Hubungan mestilah anak kandung (termasuk anak tidak sah taraf) atau anak angkat yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sahaja; dan
 - Warganegara Malaysia dan memiliki pengenalan Malaysia (MyKad / MyKid) sahaja; dan

- Tidak bekerja atau tiada punca pendapatan; dan
- Had umur:
 - 17 tahun dan ke bawah; atau
 - 18 tahun dan ke atas bagi pelajar sepenuh masa di Institusi Pengajian Awam / Swasta

ii. Bujang

Pemohon

- Warganegara Malaysia (MyKad) yang menetap di Malaysia sahaja
- Jumlah pendapatan kasar bulanan RM2,500 dan ke bawah
- Lelaki atau wanita yang berumur:
 - 21 tahun hingga 59 tahun; atau
 - 18 tahun sehingga 59 tahun bagi kategori OKU

B. PERMOHONAN BAHARU

3. S: Bilakah pendaftaran BPR 2021 akan dibuka?

J: Pendaftaran BPR 2021 bermula pada 15 Januari 2021 hingga 15 Februari 2021 (tertakluk kepada perubahan).

4. S: Siapakah yang perlu membuat Permohonan BPR 2021?

J: Pemohon yang perlu membuat Permohonan BPR 2021 adalah seperti berikut:

- i. Pemohon yang tidak menerima BSH 2020 atau BPN 2.0 serta pendapatan isi rumah RM5,000 dan ke bawah
- ii. Pemohon dari golongan Orang Asli yang tidak berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), pendaftaran secara automatik akan dibuat berdasarkan data dari JAKOA.
- iii. Pemohon Orang Kurang Upaya yang tidak tersenarai sebagai penerima e-bantuan JKM
 - Bagi penerima e-bantuan JKM, pendaftaran akan dibuat secara automatik berdasarkan data di JKM. Penerangan lanjut rujuk Soalan 5.

5. S: Adakah semua penerima e-bantuan JKM tidak perlu mendaftar BPR 2021?

J: Penerima e-bantuan yang berdaftar dengan e-bantuan JKM sebelum atau pada bulan November 2020 tidak perlu mendaftar bagi permohonan BPR 2021. Perincian penerima e-bantuan yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. Elaun Pekerja Cacat
- ii. Bantuan Penjagaan OKU

- iii. Bantuan OKU tidak berupaya bekerja
- iv. Bantuan Orang Tua

6. **S: Saya adalah OKU yang berdaftar dengan JKM tetapi bukan penerima e-bantuan. Adakah saya perlu membuat permohonan BPR 2021?**

J: Ya. Anda perlu membuat permohonan BPR 2021 kerana tidak tergolong sebagai Penerima e-bantuan seperti jawapan bagi Soalan 5.

7. **S: Bagaimanakah cara untuk saya membuat Permohonan BPR 2021?**

J: Anda boleh membuat Permohonan BPR 2021 seperti berikut:

i. Permohonan Secara Dalam Talian

Permohonan BPR 2021 boleh dibuat di:

- a. Portal Rasmi BPR LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my>; atau
- b. Aplikasi Semakan Bantuan Prihatin Rakyat dengan memuat turun di Play Store / App Store pada telefon bimbit

ii. Permohonan Melalui Borang

Borang Permohonan BPR 2021 (BK-01) boleh didapati secara percuma di:

- a. Portal Rasmi BPR LHDNM; atau
- b. Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM

8. **S: Di manakah saya boleh menghantar Borang BPR 2021 yang telah lengkap diisi?**

J: Anda boleh menghantar Borang BPR 2021 di kaunter-kaunter berikut:

- i. Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) LHDNM / Pusat Transformasi Bandar (UTC) LHDNM; atau
- ii. Pejabat Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP); atau
- iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK); atau
- iv. Pejabat Daerah / Pejabat Residen

Atau penghantaran secara Pos ke alamat seperti berikut:

Peti Surat BPR
GPO Shah Alam
40800 Selangor

Penghantaran **secara faks dan e-mel** adalah tidak diterima.

9. **S:** Bolehkah saya membuat salinan Borang Permohonan BPR 2021 bagi pengisian borang dan adakah terdapat apa-apa caj yang dikenakan semasa pengisian Borang BPR 2021?

J: Ya. Anda boleh membuat salinan Borang BPR 2021 dan tiada apa-apa caj yang dikenakan semasa pengisian Borang BPR 2021.

10. **S:** Apakah dokumen yang perlu dikemukakan semasa membuat permohonan BPR 2021?

J: Salinan dokumen sokongan pemohon / pasangan / anak (jika berkaitan) yang perlu dikemukakan adalah seperti berikut:

i. Pemohon:

- a) Salinan Sijil Perkahwinan yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- b) Salinan Sijil Kematian pasangan yang dikeluarkan oleh JPN; atau
- c) Sijil Perceraian (asal dan salinan) yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri / JPN; atau
- d) Salinan Sijil Dekri Nisi / Dekri Nisi Mutlak yang dikeluarkan oleh Mahkamah
- e) Salinan Kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)

ii. Pasangan:

- a) Salinan pengenalan Pasangan (MyKad / MyPR / MyKAS); atau
- b) Salinan Pasport / Visa / UNHCR / Pas Sempadan

iii. Anak:

- a) Anak Kandung
 - Salinan MyKad / MyKid; dan
 - Salinan Sijil Lahir
- b) Anak Angkat
 - Salinan MyKad / MyKid; dan
 - Salinan Sijil Daftar Anak Angkat yang dikeluarkan oleh JPN

Borang Serahan Dokumen Sokongan BPR 2021 (BK-04) perlu diisi semasa mengemukakan dokumen sokongan berkenaan ke LHDNM **ATAU** boleh memuatnaik ke sistem BPR semasa permohonan secara dalam talian.

11. S: Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat akaun bank. Jika saya tidak mempunyai maklumat akaun bank, bagaimanakah saya perlu menghantar Permohonan BPR 2021?

J: Anda boleh menghantar permohonan BPR 2021 dengan mengemukakan Borang Permohonan BPR 2021 (BK-01) ke Cawangan LHDNM berhampiran.

12. S: Permohonan secara dalam talian memerlukan saya mengisi maklumat alamat e-mel. Apakah kegunaan alamat e-mel berkenaan?

J: Anda perlu mendaftarkan alamat e-mel yang sah semasa permohonan BPR 2021 kerana alamat e-mel berkenaan akan digunakan untuk situasi berikut:

- i. Set semula akaun BPR disebabkan terlupa soalan keselamatan semasa log masuk
- ii. Penyampaian makluman BPR 2021

13. S: Saya telah menghantar permohonan BPR 2021 secara dalam talian. Walau bagaimanapun terdapat mesej peringatan yang memaklumkan supaya memuatnaik dokumen sokongan atau menghantar ke cawangan LHDNM. Bagaimanakah cara untuk saya kemukakan dokumen sokongan berkenaan ke cawangan LHDNM?

J: Anda digalakkan untuk memuatnaik dokumen sokongan yang diperlukan ke Portal Rasmi BPR semasa permohonan.

Sekiranya anda ingin menghantar ke Cawangan LHDNM, anda perlu mengemukakan dokumen sokongan yang diperlukan dengan mengisi Borang Serahan Dokumen Sokongan BPR 2021 (BK-04) yang diperolehi di Cawangan LHDNM atau dimuat turun dari Portal Rasmi BPR.

Pastikan anda mendapat keratan Akuan Penerimaan Penyerahan dokumen berkenaan sebagai rekod penyerahan. Penghantaran secara faks dan e-mel adalah tidak diterima.

14. **S:** **Saya telah menghantar permohonan BPR 2021. Sekiranya ada perubahan maklumat, adakah saya masih boleh membuat kemas kini permohonan?**

J: Ya. Kemas kini maklumat boleh dibuat sebelum tarikh tutup permohonan BPR 2021.

15. **S:** **Saya telah menghantar Borang Permohonan BPR 2021 ke cawangan LHDNM. Adakah saya boleh mengemas kini semula permohonan secara dalam talian?**

J: Tidak. Kemas Kini secara dalam talian tidak dibenarkan sekiranya Permohonan Baharu / Kemas Kini yang dihantar ke cawangan / PKH / UTC LHDNM tersebut telah diproses oleh LHDNM. Oleh itu, sebarang kemas kini permohonan BPR selanjutnya perlu dikemukakan ke cawangan / PKH / UTC LHDNM dengan mengisi Borang Permohonan BPR 2021 (BK-01) semula.

16. **S:** **Saya telah membuat permohonan BPR 2021 secara dalam talian dan juga telah berjaya memuatnaik di Sistem BPR semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya masih perlu kemukakan semula dokumen sokongan berkenaan ke cawangan LHDNM?**

J: Tidak. Sekiranya dokumen sokongan yang diperlukan telah berjaya dimuatnaik di Portal Rasmi BPR semasa permohonan secara dalam talian, anda tidak perlu kemukakan semula dokumen berkenaan ke cawangan LHDNM.

17. **S:** **Sijil perkahwinan saya telah hilang, apakah dokumen sokongan yang boleh digunakan untuk pengesahan status perkahwinan?**

J: Dokumen sokongan yang boleh digunakan sebagai pembuktian status perkahwinan:
i. Kad nikah; atau
ii. Sijil Lahir Anak

18. **S:** **Saya hanya mempunyai Kad Pengenalan Lama dan tidak memperbaharuinya lagi. Adakah saya boleh membuat permohonan BPR 2021?**

J: Anda perlu merujuk Jabatan Pendaftaran Negara untuk mendapatkan MyKad kerana Permohonan BPR 2021 mewajibkan penggunaan MyKad sahaja. Permohonan BPR 2021 hanya boleh dilakukan setelah anda mempunyai MyKad.

19. **S: Saya berstatus bujang tetapi mempunyai anak angkat. Adakah saya layak untuk memohon sebagai isi rumah?**
- J: Tidak. Sekiranya anda berstatus bujang dan tidak pernah berkahwin, anda tidak layak untuk memohon kategori isi rumah. Namun, permohonan kategori Bujang boleh dibuat sekiranya memenuhi syarat kelayakan seperti Jawapan bagi Soalan 2 (Kategori Bujang).
20. **S: Saya berumur 22 tahun, berstatus bujang dan pelajar sepenuh masa. Adakah saya layak untuk memohon sebagai kategori bujang?**
- J: Tidak. Sekiranya anda berstatus bujang dan pelajar sepenuh masa, anda tidak layak untuk memohon BPR . Sila rujuk Soalan 2 (Kategori Bujang)
21. **S: Borang Permohonan BPR 2021 mengandungi 2 maklumat akaun bank yang perlu diisi iaitu pada Bahagian Pemohon dan Bahagian Pasangan. Jika saya lulus BPR 2021, bayaran BPR 2021 akan dibuat kepada saya atau pasangan saya?**
- J: Ruangan maklumat akaun bank diwujudkan bagi Pemohon dan Pasangan. Walau bagaimanapun, jika permohonan BPR 2021 diluluskan, mekanisme pembayaran adalah seperti berikut:
- i. Bayaran kepada pemohon sekiranya:
 - a) Pemohon melaporkan akaun bank dan status pembayaran BPR 2021 berjaya kredit.
 - b) Pemohon dan pasangan tidak melaporkan maklumat akaun bank
 - ii. Bayaran kepada Pasangan (lapor akaun bank) sekiranya:
 - a) Pemohon tidak melaporkan akaun bank
 - b) Pemohon melaporkan akaun bank tetapi status pembayaran BPR 2021 gagal kredit.
22. **S: Sekiranya saya mengisi nombor akaun bank pasangan semasa Permohonan BPR 2021, adakah pembayaran BPR 2021 akan dibuat kepada akaun pasangan?**
- J: Kaedah pembayaran BPR 2021 (rujuk Jawapan bagi soalan 21).

23. S: Sekiranya saya tidak mengisi nombor akaun bank semasa Permohonan BPR 2021, bagaimanakah pembayaran akan dilakukan?

J: Anda digalakkan untuk mengisi nombor akaun bank bagi pembayaran BPR 2021, agar proses pembayaran dapat diterima dengan mudah dan cepat. Sekiranya anda tidak melaporkan maklumat akaun bank, pembayaran adalah secara tunai di Kaunter Bank Simpanan Nasional (BSN) selepas maklumat nombor siri penunaian dipaparkan pada Portal Rasmi BPR.

24. S: Apakah jenis akaun bank yang perlu saya daftarkan ketika permohonan BPR 2021?

J: Anda perlu mendaftarkan akaun bank persendirian.

25. S: Sekiranya saya mengemaskini permohonan BPR secara dalam talian, adakah saya perlu memuat naik dokumen pengesahan bank?

J: Anda tidak perlu memuat naik dokumen pengesahan bank sekiranya mempunyai maklumat akaun bank dan didaftarkan pada permohonan BPR. Dokumen pengesahan bank hanya perlu dimuat naik sekiranya anda berstatus muflis dan pilihan nama bank pada permohonan BPR adalah muflis.

26. S: Sekiranya saya tidak mempunyai akaun bank dan berstatus muflis apakah dokumen pengesahan bank yang diperlukan?

J: Anda perlu mengemukakan dokumen pengesahan yang memaklumkan mengenai status muflis anda.

27. S: Sekiranya saya tidak mempunyai akaun bank dan pasangan saya berstatus bukan warganegara Malaysia serta mempunyai akaun bank. Adakah pembayaran akan dibuat ke atas akaun yang telah saya laporkan?

J: Pembayaran akan dibuat ke atas pasangan yang berstatus warganegara Malaysia sahaja.

28. S: Saya berkahwin di luar negara dan mempunyai sijil perkahwinan yang sah dari negara tersebut, adakah saya layak memohon BPR 2021 kategori isi rumah dan apakah dokumen yang diperlukan?

J: Tidak. Anda tidak layak memohon di bawah kategori isi rumah kecuali anda telah mendaftar perkahwinan dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) atau Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Namun sekiranya anda mempunyai anak, anda layak memohon BPR 2021 dengan mengemukakan Sijil Lahir Anak yang berdaftar di JPN sebagai bukti perkahwinan.

29. S: Anak saya berumur 20 tahun dan dikategorikan sebagai OKU kerana mengalami kemalangan pada tahun ini. Bolehkah saya kemas kini maklumat anak saya dalam permohonan BPR 2021?

J: Anak berkenaan tidak layak untuk didaftarkan sebagai anak di bawah permohonan BPR 2021 anda. Walau bagaimanapun, anak berkenaan boleh memohon BPR 2021 bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Rujuk Jawapan bagi Soalan 2 (Syarat Kelayakan Kategori Bujang).

30. S: Saya berstatus ibu tunggal yang berumur 40 tahun dan mempunyai seorang anak (OKU) berumur 19 tahun. Adakah saya boleh memohon BPR 2021 dengan meletakkan anak saya di Permohonan BPR 2021 saya?

J: Tidak. Anda boleh memohon BPR 2021 di bawah kategori Bujang [Rujuk Jawapan bagi soalan 2 (Syarat kelayakan Kategori Bujang)].

Anak berkenaan tidak layak didaftarkan sebagai anak di bawah permohonan BPR 2021 anda kerana anak berkenaan boleh memohon BPR 2021 bagi kategori Bujang sekiranya berstatus OKU dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Rujuk Jawapan bagi Soalan 2 (Syarat kelayakan kategori Bujang).

31. S: Saya berstatus Ibu Tunggal yang berumur 50 tahun dan mempunyai seorang anak berumur 21 tahun yang tidak bekerja dan pelajar sepenuh masa. Adakah saya boleh memohon BPR 2021 dengan meletakkan anak saya dalam maklumat Permohonan BPR 2021 saya?

J: Anak berkenaan boleh didaftarkan di Permohonan BPR 2021 anda sekiranya menepati syarat kelayakan Anak [Rujuk Jawapan bagi soalan 2 (Syarat kelayakan Anak)].

Sekiranya anak berkenaan tidak menepati syarat kelayakan, anda boleh memohon BPR 2021 di bawah kategori Bujang sebagai Ibu Bapa Tunggal tiada anak [Rujuk Jawapan bagi soalan 2 (Syarat kelayakan Kategori Bujang)].

32. S: Saya bukan warganegara Malaysia. Adakah saya layak memohon BPR 2021?

J: Tidak. Bantuan ini adalah untuk warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.

33. **S:** **Saya merupakan warganegara Malaysia tetapi menetap di Singapura. Adakah saya layak memohon BPR 2021?**
- J:** Tidak. Bantuan ini adalah untuk Warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia sahaja.

C. KEMAS KINI PERMOHONAN

34. **S:** **Saya adalah penerima bayaran BSH 2020 dan BPN 2.0 sebelum ini. Adakah saya perlu membuat kemas kini permohonan BPR 2021 sekiranya tiada sebarang perubahan maklumat?**
- J:** Sekiranya semakan permohonan di portal BPR 2021 anda wujud dan tiada sebarang perubahan maklumat, anda tidak perlu membuat kemas kini maklumat BPR 2021. Walau bagaimanapun sekiranya semakan permohonan di Portal Rasmi BPR 2021 tidak wujud, anda perlu membuat permohonan baharu.
35. **S:** **Sekiranya saya tidak mengemaskini permohonan BPR 2021 sepanjang tempoh permohonan dibuka, adakah saya layak BPR 2021?**
- J:** Sekiranya anda tidak hadir untuk kemas kini, permohonan di portal BPR 2021 anda akan diproses berdasarkan maklumat sedia ada iaitu berdasarkan data BSH 2020 atau BPN 2.0 dan kelayakan BPR 2021 adalah berdasarkan keputusan proses semakan maklumat berkenaan.
36. **S:** **Saya telah diluluskan BSH 2020 dan BPN 2.0 dengan status Ibu Bapa Tunggal dan mempunyai seorang anak. Adakah saya perlu untuk kemas kini maklumat anak berkenaan dan kemukakan dokumen sokongan?**
- J:** Sekiranya permohonan di portal BPR 2021 anda wujud dan tiada perubahan maklumat anak yang didaftarkan semasa BSH 2020 dan BPN 2.0, anda tidak perlu kemas kini permohonan. Ini kerana pemprosesan bagi penentuan kelayakan anak akan dibuat melalui sistem.
- Walaupun bagaimanapun, sekiranya anda mempunyai tambahan anak yang lain, kemaskini dan serahan dokumen sokongan anak yang baharu perlu dibuat.

37. **S:** **Semasa permohonan BSH 2020 dan BPN 2.0 sebelum ini, saya telah kemukakan semua dokumen sokongan yang diperlukan. Adakah saya perlu kemukakan semula semasa permohonan BPR 2021?**
- J: Sekiranya permohonan di portal BPR 2021 anda wujud dan tiada perubahan maklumat, dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa BPR 2021.
38. **S:** **Saya berumur 65 tahun dan berstatus kahwin. Adakah saya perlu kemukakan sijil nikah bagi pengesahan status perkahwinan?**
- J: Bagi Pemohon BPR 2021 yang berumur 60 tahun dan ke atas (Warga Emas), sebarang dokumen sokongan tidak perlu dikemukakan semasa permohonan BPR 2021.
39. **S:** **Suami saya adalah penerima BSH 2020 dan BPN 2.0. Bolehkah saya menukar permohonan suami saya kepada permohonan saya?**
- J: Sekiranya Permohonan di portal BPR 2021 wujud atas nama suami anda, permohonan atas nama suami perlu dibatalkan terlebih dahulu dengan mengisi borang pembatalan (BK-05) dan dikemukakan ke cawangan LHDNM sebelum permohonan baharu BPR 2021 dibuat atas nama anda.
40. **S:** **Suami saya adalah penerima BSH 2020 dan telah meninggal dunia sebelum 15 Januari 2021. Adakah saya boleh membuat Permohonan Baharu BPR 2021?**
- J: Ya. Anda boleh membuat Permohonan Baharu BPR 2021 dengan status perkahwinan yang terkini.

D. LAIN-LAIN

41. **S:** **Bagaimanakah cara untuk saya menyemak status permohonan BPR 2021?**
- J: Semakan Status permohonan BPR 2021 boleh dibuat seperti berikut:
- i. Portal Rasmi BPR LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my>;
 - ii. Semakan secara Aplikasi Mobile BPR:
Muat turun di *Play Store* bagi platform Android dan di *Apps Store* bagi platform iOS
 - iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau

- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

42. S: Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan berkaitan BPR 2021?

J: Anda boleh mendapatkan maklumat terkini, membuat pertanyaan atau aduan melalui saluran berikut:

- i. Portal Rasmi BPR LHDNM, <https://bpr.hasil.gov.my>; atau
- ii. Aplikasi Mobile BPR; atau
- iii. Hubungi LHDNM: 1-800-88-2747
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- iv. MoF: 03-8882 4565 / 4566
(Waktu Operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang);atau
- v. Hadir sendiri ke Cawangan LHDNM / PKH LHDNM / UTC LHDNM.

43. S: Jika seseorang memberi maklumat palsu, apakah tindakan yang akan dikenakan?

J: Seseorang boleh disabitkan kesalahan di bawah seksyen 193 Kanun Keseksaan (Akta 574) dan boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga (3) tahun dan denda serta disenarai hitam oleh Kementerian Kewangan Malaysia dari menerima BPR.

44. S: Maklumat saya telah digunakan oleh individu lain bagi tujuan permohonan BPR 2021. Apakah yang perlu saya lakukan?

J: Anda perlu membuat laporan polis dan kemukakan bersama salinan pengenalan (Pasangan / Anak), sijil perkahwinan / Sijil Kematian / Sijil Perceraian (jika berkaitan) ke Cawangan LHDNM untuk tindakan selanjutnya.